



INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)

www.ijemp.com



MEMAHAMI KEDUDUKAN SUNNAH MELALUI PERSPEKTIF AL-QURAN DALAM KONTEKS KONTEMPORARI MALAYSIA

UNDERSTANDING THE POSITION OF THE SUNNAH THROUGH THE PERSPECTIVE OF THE QUR'AN IN THE CONTEMPORARY MALAYSIAN CONTEXT

Mohamad Murad Mahyudin Muheji¹, Muhammad Dinie Izdiyar Md Idris², Mohd Nor Adzhar Ibrahim^{3*}

¹ Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya. UMCCED

Email: ufl240003@umcced.edu.my, ufl240004@umcced.edu.my, mnor.adzhar@usim.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.10.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 11.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Muheji, M. M. M., Idris, M. D. I. M., & Ibrahim, M. N. A. (2025). Memahami Kedudukan Sunnah Melalui Perspektif Al-Quran Dalam Konteks Kontemporari Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8 (32), 86-99.

DOI: 10.35631/IJEMP.832006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Al-Quran dan Sunnah merupakan dua sumber utama syariat Islam yang saling melengkapi dengan al-Quran memberikan prinsip umum manakala Sunnah berfungsi sebagai penjelasan praktikal. Walau bagaimanapun, dalam konteks kontemporari Malaysia, timbul permasalahan seperti penolakan autoriti Sunnah oleh gerakan Quraniyyun serta penyebaran hadis palsu melalui media sosial yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Kajian ini meneliti kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum Islam kedua selepas al-Quran dengan merujuk ayat-ayat yang menegaskan ketaatan kepada Rasulullah SAW sebagai pelengkap wahyu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap teks al-Quran dan literatur sarjana Malaysia seperti Mohd Asri Zainul Abidin (2016) serta Zulkiple Abd Ghani (2021). Objektif utama adalah menjelaskan konsep Sunnah, menilai fungsinya dalam menjelaskan al-Quran serta menangani cabaran kontemporari seperti penolakan gerakan Quraniyyun dan penulisan hadis palsu. Dapatan menunjukkan bahawa al-Quran secara jelas mengiktiraf autoriti Sunnah melalui ayat seperti Surah al-Hashr (59:7) dan al-Nisa' (4:59), sekali gus menolak pandangan yang menafikan kedudukannya. Cabaran semasa seperti penolakan Sunnah dan penggunaan hadis daif menuntut pendekatan ilmiah serta pendidikan hadis yang lebih sistematik. Kajian ini mencadangkan strategi praktikal antaranya pengukuhan kurikulum pendidikan hadis di universiti, penganjuran platform dialog oleh ulama serta kempen kesedaran digital untuk meningkatkan literasi Sunnah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada wacana tafsir dan hadis di

Malaysia dengan menegaskan hubungan erat antara al-Quran dan Sunnah dalam menghadapi cabaran semasa.

Kata Kunci:

Sunnah, Al-Quran, Quraniyyun, Literasi Hadis, Malaysia

Abstract:

The Qur'an and Sunnah are the two primary sources of Islamic law that complement each other with the Qur'an providing general principles and the Sunnah serving as practical elaboration. However, in contemporary Malaysia, challenges such as the rejection of the Sunnah's authority by the Quraniyyun movement and the spread of fabricated hadiths via social media have caused confusion among the community. This study examines the Sunnah's position as the second source of Islamic law after the Qur'an by analysing verses that affirm obedience to the Prophet Muhammad (peace be upon him) as a complement to revelation. A qualitative approach is employed through thematic analysis of Qur'anic texts and Malaysian scholarly works, including Mohd Asri Zainul Abidin (2016) and Zulkiple Abd Ghani (2021). The main objectives are to clarify the concept of the Sunnah, evaluate its role in interpreting the Qur'an, and address contemporary issues such as the Quraniyyun movement and fabricated hadiths. Findings reveal that the Qur'an explicitly recognises the Sunnah's authority through verses such as Surah al-Hashr (59:7) and al-Nisa' (4:59), refuting denialist views. Current challenges, including Sunnah rejection and misuse of weak hadiths, necessitate scholarly and systematic hadith education. The study proposes practical strategies: strengthening university hadith curricula, organising ulama-led dialogue platforms and launching digital awareness campaigns to enhance Sunnah literacy in Malaysian society. Overall, this research contributes to Qur'anic and Hadith discourse in Malaysia by reaffirming the inseparable link between the Qur'an and Sunnah amid modern challenges.

Keywords:

Sunnah, Qur'an, Quraniyyun, Hadith Literacy, Malaysia

Pengenalan

Al-Quran dan Sunnah merupakan dua sumber utama syariat Islam yang bersifat saling melengkapi. Al-Quran sebagai wahyu ilahi, memberikan prinsip dan panduan umum manakala Sunnah Rasulullah SAW berfungsi sebagai penjelasan praktikal serta aplikasi terhadap hukum-hukum tersebut. Hal ini ditegaskan dalam Surah al-Nahl (16:44), di mana Allah SWT berfirman: *"Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Zikr (al-Quran), supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka..."*. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan Sunnah adalah sebagai pelengkap dan penafsir kepada al-Quran. Dalam konteks Malaysia, pengajian al-Quran dan Sunnah telah diinstitusikan di pelbagai pusat pengajian tinggi antaranya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kurikulum di institusi tersebut menekankan kepentingan integrasi kedua-dua sumber utama ini dalam membentuk pemahaman Islam yang komprehensif dan seimbang (Universiti Sains Islam Malaysia, 2023). Ini menunjukkan bahawa tradisi ilmiah di Malaysia sentiasa menekankan hubungan erat antara al-Quran dan Sunnah. Walau bagaimanapun, cabaran timbul dengan munculnya aliran pemikiran Quraniyyun iaitu golongan yang menolak Sunnah sebagai sumber hukum dan hanya menerima al-Quran. Pemikiran ini pernah mendapat perhatian di Malaysia melalui tokoh seperti Kassim Ahmad (1986) yang mendakwa bahawa al-Quran sudah mencukupi tanpa merujuk kepada hadis. Idea

sedemikian menimbulkan kontroversi kerana bercanggah dengan prinsip al-Quran sendiri. Sebagai contoh, Surah al-Nisa' (4:80) menegaskan: "*Sesiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah...*". Ayat ini membuktikan bahawa ketaatan kepada Rasulullah SAW adalah manifestasi ketaatan kepada Allah SWT sekali gus menolak dakwaan yang mengecilkan peranan Sunnah. Menyedari cabaran ini, kajian ini dirancang untuk menjelaskan perspektif al-Quran mengenai kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum kedua dalam Islam. Kajian ini turut merujuk kepada pandangan sarjana Malaysia kontemporari seperti Mohd Asri Zainul Abidin (2016) yang menegaskan kepentingan Sunnah dalam memahami teks al-Quran serta Zulkiple Abd Ghani (2021) yang menekankan integrasi al-Quran dan Sunnah dalam pendidikan Islam. Dengan itu, diharap kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada pengukuhan wacana akademik mengenai hubungan al-Quran dan Sunnah di samping menangani cabaran pemikiran kontemporari yang cuba menafikan autoriti Sunnah.

Pernyataan Masalah

Masalah utama kajian ialah penolakan Sunnah oleh golongan Quraniyyun, yang bertentangan dengan ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan ketaatan kepada Rasulullah SAW. Di Malaysia, penyebaran idea ini melalui media sosial telah meningkatkan kekeliruan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Selain itu, cabaran seperti hadis daif dan palsu seperti yang dibincangkan oleh Mohd Asri Zainul Abidin (2016) turut melemahkan kepercayaan terhadap Sunnah. Surah al-Hujurat (49:6) menyeru kepada tabayyun (penelitian) terhadap berita: "*...jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya...*". Kajian ini meneliti bagaimana al-Quran menjelaskan kedudukan Sunnah serta cara menghadapi cabaran kontemporari dalam konteks Malaysia.

Objektif Kajian

1. Menganalisis ayat-ayat al-Quran yang menegaskan kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum Islam kedua.
2. Menilai fungsi Sunnah dalam menjelaskan hukum al-Quran serta kaitannya dengan cabaran kontemporari seperti gerakan Quraniyyun dan hadis daif di Malaysia.
3. Mencadangkan strategi berasaskan al-Quran untuk meningkatkan literasi Sunnah dalam kalangan masyarakat.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam memperkukuh pemahaman masyarakat Muslim Malaysia mengenai hubungan erat antara al-Quran dan Sunnah. Penegasan semula kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum Islam kedua diharapkan dapat menjadi benteng intelektual dalam menghadapi aliran pemikiran ekstrem seperti Quraniyyun yang menolak autoriti hadis. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur tafsir dan hadis khususnya dalam konteks Malaysia yang berdepan dengan cabaran pemikiran moden dan gerakan anti-hadis. Di samping itu, kajian ini memberikan implikasi praktikal kepada pembangunan kurikulum pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi dan badan rasmi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dengan memasukkan elemen pemahaman bersepadu al-Quran dan Sunnah, pendidikan Islam dapat melahirkan masyarakat yang lebih celik hukum, kritis dan seimbang. Akhir sekali, kajian ini turut menggalakkan pendekatan wasatiyyah dalam memahami Sunnah iaitu pendekatan sederhana yang menolak ekstremisme sama ada dalam bentuk penolakan total terhadap hadis ataupun penerimaan tanpa kritik terhadap riwayat yang lemah. Pendekatan ini selari dengan aspirasi masyarakat majmuk

Malaysia yang menuntut keseimbangan antara prinsip agama dan realiti sosial (Abdul Karim Ali, 2018).

Sorotan Kajian Lalu

Hubungan al-Quran dan Sunnah telah menjadi fokus utama dalam pengajian Islam di Malaysia. Wan Mohd Nor Wan Daud (2017) dalam *Konsep Kebebasan dalam Islam* menegaskan bahawa Sunnah adalah pelengkap al-Quran, seperti yang ditunjukkan dalam Surah al-Ma'idah (5:3), "*Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redai Islam itu menjadi agama untuk kamu.*" yang menyatakan kesempurnaan agama Islam merangkumi kedua-dua sumber ini. Beliau berhujah bahawa Sunnah berfungsi sebagai bayan (penjelasan) kepada ayat-ayat mujmal (umum) dalam al-Quran. Zulkiple Abd Ghani (2021) dalam artikelnya di *al-Burhan: Journal of Qur'an and Sunnah Studies* mengkritik gerakan Quraniyyun kerana memutarbelitkan ayat-ayat seperti Surah al-Hashr (59:7), "*Apa sahaja yang diberikan oleh Rasul kepadamu maka terimalah dan apa sahaja yang dilarangnya maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah sangat keras azab-Nya.*" yang memerintahkan umat untuk menerima apa yang diberikan Rasul. Pandangan ini disokong oleh Mohd Asri Zainul Abidin (2016), yang menegaskan bahawa penolakan Sunnah bertentangan dengan prinsip ketaatan kepada Rasul dalam Surah al-Nisa' (4:59). Beliau juga menyeru kepada pendekatan tabayyun untuk menangani hadis daif, selari dengan Surah al-Hujurat (49:6). Ahmad Sanusi Azmi (2019) dalam Jurnal al-Bayan menegaskan peranan Sunnah sebagai uswah hasanah (contoh teladan) berdasarkan Surah al-Ahzab (33:21). Pandangan ini menonjolkan dimensi moral dan spiritual Sunnah yang melengkapi fungsi hukumnya. Kajian lain turut menambahkan dimensi berbeza dalam memahami autoriti Sunnah. Ahmad Sanusi Azmi (2019) menegaskan bahawa Sunnah berperanan sebagai *uswah hasanah* berdasarkan Surah al-Ahzab (33:21), iaitu bukan sahaja sebagai sumber hukum tetapi juga sebagai teladan moral bagi umat Islam. Shafie (2019) pula memberi tumpuan kepada ancaman hadis palsu serta menekankan kepentingan disiplin ilmu hadis seperti *jarh wa ta'dil* dalam menilai kesahihan riwayat. Kedua-dua pandangan ini saling melengkapi iaitu Sanusi menonjolkan nilai positif Sunnah sebagai panduan kehidupan, manakala Shafie menegaskan keperluan sikap kritikal terhadap sumber riwayat. Sementara itu, Abdul Karim Ali (2018) mengusulkan pendekatan *wasatiyyah* bagi mengintegrasikan al-Quran dan Sunnah dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, sebagai usaha mengelakkan dua ekstrem iaitu menolak Sunnah secara total atau menerima semua riwayat tanpa penelitian.

Di peringkat antarabangsa wacana tentang Sunnah memperlihatkan kepelbagaian pendekatan. Esack (2018) menekankan tafsiran kontekstual bagi menegaskan keadilan sosial, suatu pendekatan yang relevan dengan masyarakat plural tetapi dilihat terlalu liberal oleh sesetengah pihak. Fazlur Rahman (1982) pula menekankan dimensi sejarah dengan melihat Sunnah sebagai prinsip moral yang berkembang dalam masyarakat awal Islam. Walaupun memberi penjelasan dinamik, pandangannya dikritik kerana boleh mengurangkan nilai normatif Sunnah sebagai wahyu yang tetap. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menolak keras usaha memisahkan al-Quran daripada Sunnah kerana ia menggugat *worldview* Islam yang menyeluruh, meskipun pendekatannya kurang memberi ruang kepada keperluan semasa. Barlas (2019) pula menekankan tafsiran hermeneutik kritikal, khususnya berkaitan isu gender. Walaupun sering dikritik kerana dianggap membawa agenda luar, pandangannya penting kerana menegaskan bahawa Sunnah perlu difahami dalam kerangka *maqasid syariah*.

Sorotan ini menunjukkan bahawa sarjana tempatan lebih cenderung bersifat normatif dan apologetik dalam mempertahankan autoriti Sunnah manakala sarjana antarabangsa lebih kritis dan kontekstual dalam menyesuaikan Sunnah dengan realiti moden. Jurang yang dapat dikenal pasti ialah kurangnya integrasi antara pendekatan normatif dengan kontekstual, keterbatasan kajian empirikal tentang kefahaman masyarakat terhadap Sunnah serta ketiadaan perbandingan silang konteks dengan negara lain. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis ayat-ayat al-Quran berkaitan autoriti Sunnah, menilai pandangan sarjana tempatan secara kritis dan membandingkannya dengan wacana antarabangsa bagi merumuskan pendekatan yang sesuai dengan realiti Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan penekanan pada analisis teks, sebuah kaedah yang dipilih kerana kesesuaiannya dalam mendalami makna, konteks dan implikasi ayat-ayat al-Quran berkaitan autoriti Sunnah serta wacana akademik yang menyokongnya. Pendekatan kualitatif memungkinkan peneliti untuk menyelami kerumitan tema-tema yang muncul daripada teks suci dan menghubungkannya dengan perbincangan kontemporari, menghasilkan pemahaman yang mendalam dan bernuansa.

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kualitatif ini menggunakan analisis tematik sebagai kaedah utama. Analisis tematik dipilih kerana keupayaannya untuk mengenal pasti, mengelompokkan dan menganalisis tema-tema utama secara sistematik daripada data teks. Ayat-ayat al-Quran yang relevan seperti Surah al-Hashr (59:7), al-Nisa' (4:59) dan al-Ahzab (33:21), telah dipilih dengan teliti berdasarkan kaitannya dengan autoriti Sunnah. Ayat-ayat ini dianalisis secara mendalam untuk memahami bagaimana teks suci menegaskan ketaatan kepada Rasulullah SAW sebagai panduan normatif. Selari dengan itu, pandangan sarjana tempatan dan antarabangsa turut diteliti untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan serta kekuatan dan kelemahan hujah mereka, sekali gus memperkaya analisis dengan perspektif pelbagai.

Sumber Primer dan Sekunder

Kajian ini berasaskan gabungan sumber primer dan sekunder yang saling melengkapi. Sumber primer terdiri daripada al-Quran dalam bahasa Arab beserta terjemahan rasmi oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menjadi rujukan asas dalam meneliti ayat-ayat berkaitan kedudukan Sunnah. Bagi memperkukuh analisis, beberapa kitab tafsir turut digunakan. *Tafsir al-Jalalayn* dijadikan rujukan untuk memahami makna literal dan penjelasan ringkas ayat manakala *Tafsir al-Misbah* oleh Quraish Shihab dimanfaatkan kerana pendekatan kontemporari dan kontekstualnya yang menekankan dimensi sosial. Selain itu, karya tempatan seperti Abdul Hadi Awang (2020) turut dirujuk bagi memberikan perspektif tafsir dalam kerangka pemikiran masyarakat Malaysia, sekali gus menambah nilai lokaliti dalam kajian ini.

Di samping sumber primer, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder bagi melengkapi analisis dan memberikan gambaran yang lebih luas. Literatur akademik sarjana Malaysia seperti Mohd Asri Zainul Abidin (2016), Zulkiple Abd Ghani (2021), Ahmad Sanusi Azmi (2019) dan Abdul Karim Ali (2018) dirujuk untuk menilai bagaimana autoriti Sunnah difahami dalam wacana ilmiah tempatan. Kajian-kajian ini memberikan asas normatif dan analitikal tentang kedudukan Sunnah dalam kerangka hukum Islam. Selain itu, dokumen rasmi dan laporan media turut diteliti khususnya yang berkaitan dengan isu-isu kontemporari seperti penolakan Sunnah, pengaruh fahaman Quraniyyun serta penyebaran hadis palsu dalam media sosial. Sumber-sumber ini memberi konteks realiti semasa di Malaysia, sekali gus

menghubungkan analisis teks al-Quran dengan cabaran intelektual dan sosial yang sedang berlaku.

Kaedah Analisis

Data yang diperoleh daripada al-Quran, kitab tafsir serta literatur akademik dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengenal pasti pola, tema dan mesej utama dalam teks wahyu serta dalam pandangan sarjana kontemporari. Analisis tematik membolehkan kajian ini menghubungkan kandungan ayat-ayat al-Quran dengan isu semasa secara sistematik, sekali gus mengelakkan tafsiran yang bersifat terpisah-pisah. Proses analisis dijalankan secara berperingkat. Pertama, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ketaatan kepada Rasulullah SAW dan peranan Sunnah dikenal pasti dan dihipunkan. Kedua, setiap ayat dianalisis dengan merujuk kepada tafsir klasik, moden dan tempatan bagi memahami makna literal, konteks sejarah serta implikasi semasa. Ketiga, pandangan sarjana Malaysia kontemporari dibandingkan untuk menilai keselarasan atau perbezaan penekanan mereka terhadap autoriti Sunnah. Langkah terakhir melibatkan sintesis antara teks wahyu, tafsir dan pandangan sarjana dengan realiti semasa di Malaysia, khususnya cabaran yang dibawa oleh gerakan Quraniyyun serta penyebaran hadis daif dalam masyarakat. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian disusun dalam tiga kerangka utama iaitu kedudukan Sunnah menurut al-Quran, fungsi Sunnah dalam menjelaskan hukum Islam dan cabaran kontemporari terhadap autoriti Sunnah. Melalui analisis tematik, setiap kerangka tidak hanya dihuraikan dari sudut normatif tetapi turut dihubungkan dengan konteks sosial dan intelektual Malaysia, menjadikan kajian ini lebih relevan dengan keperluan semasa.

Had Kajian

Kajian ini terhad kepada analisis teks dan tidak melibatkan kaedah lapangan seperti temu bual atau soal selidik yang mungkin menghadkan dapatan kepada aspek normatif dan teoritikal tanpa merujuk pengalaman empirikal masyarakat. Walau bagaimanapun, keterbatasan ini diimbangi dengan pendekatan perbandingan literatur yang menyeluruh, melibatkan sumber tempatan dan antarabangsa untuk memastikan keluasan perspektif dan kukuh argumen. Dengan ini, kajian ini berupaya menyumbang kepada wacana akademik mengenai autoriti Sunnah dengan cara yang terperinci, kritis dan kontekstual.

Pemilihan Ayat al-Quran

Ayat-ayat al-Quran dipilih berdasarkan tema ketaatan kepada Rasulullah SAW dan kedudukan Sunnah sebagai pelengkap wahyu. Antara ayat yang dianalisis ialah:

Surah al-Hashr (59:7),

مَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

“Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka ambillah dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah.”

Ayat ini menjadi dalil utama bahawa arahan dan larangan Rasulullah SAW wajib dipatuhi, sekali gus menegaskan kedudukan Sunnah sebagai autoriti syariat.

Surah al-Nisa’ (4:59),

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan pemimpin di antara kamu.”

Ayat ini menunjukkan ketaatan kepada Rasulullah SAW berada pada kedudukan yang sama penting dengan ketaatan kepada Allah, sekali gus menolak pandangan yang hanya menerima al-Quran tanpa Sunnah.

Surah al-Ahzab (33:21),

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) Hari Akhir, serta yang banyak mengingati Allah.”

Ayat ini menekankan kedudukan Sunnah sebagai uswah hasanah (contoh teladan) dalam aspek akhlak, hukum dan kehidupan bermasyarakat.

Surah al-Nahl (16:44).

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Zikr (al-Quran) supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan mudah-mudahan mereka memikirkannya.”

Ayat ini menegaskan fungsi Rasulullah SAW sebagai penerang dan penjelas al-Quran, yang menunjukkan peranan Sunnah dalam menjelaskan ayat-ayat mujmal (umum) dalam wahyu. Pemilihan ini dilakukan kerana ayat-ayat tersebut secara langsung menegaskan autoriti Rasulullah SAW dalam menjelaskan dan mengimplementasikan ajaran al-Quran.

Limitasi Kajian

Seperti mana-mana kajian akademik, kajian ini juga mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diakui. Pertama, skop kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis al-Quran tanpa perincian mendalam terhadap hadis-hadis tertentu. Walaupun hadis diiktiraf sebagai sumber utama yang mendukung Sunnah, kajian ini menghadkan analisis kepada teks al-Quran dengan tujuan untuk menegaskan autoriti Sunnah berdasarkan wahyu yang pertama. Oleh itu, dimensi hadis hanya disentuh secara umum melalui perbincangan sekunder dan tidak dianalisis secara menyeluruh. Kedua, fokus kajian ini terbatas kepada konteks Malaysia, khususnya dari segi pemikiran dan cabaran yang berkaitan dengan fahaman Quraniyyun dan penyebaran hadis palsu. Hal ini menyebabkan dapatan kajian tidak semestinya dapat digeneralisasikan kepada konteks dunia Islam yang lebih luas di mana cabarannya mungkin berbeza mengikut latar budaya, politik dan sejarah. Ketiga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks tanpa melibatkan data lapangan seperti temu bual bersama tokoh ilmuwan, penggubal dasar atau masyarakat awam. Keterbatasan ini menjadikan kajian lebih bersifat teori dan analitikal dan kurang menonjolkan dimensi empirik mengenai bagaimana Sunnah difahami dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Walaupun begitu, batasan ini membuka ruang untuk kajian lanjutan yang lebih komprehensif dengan menggabungkan pendekatan empirikal seperti kajian lapangan atau analisis wacana media.

Dapatan dan Analisis

Kedudukan Sunnah Menurut al-Quran

Analisis terhadap ayat-ayat al-Quran seperti Surah al-Hashr (59:7) dan al-Nisa' (4:59) menegaskan bahawa ketaatan kepada Rasulullah SAW merupakan manifestasi langsung ketaatan kepada Allah SWT. Ini memantapkan kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum kedua yang melengkapi al-Quran dalam membentuk kerangka syariat. Tafsir klasik, seperti Tafsir Ibn Kathir dan Tafsir al-Jalalayn, serta ulasan sarjana kontemporari, secara konsisten menegaskan bahawa perintah, larangan dan teladan Rasulullah SAW memiliki autoriti wajib yang mengikat. Dengan demikian, al-Quran dan Sunnah berfungsi sebagai sumber syariat yang saling berintegrasi, menolak sebarang pemisahan antara wahyu ilahi dan panduan kenabian.

Fungsi Sunnah dalam Menjelaskan dan Mengaplikasikan Hukum al-Quran

Surah al-Ahzab (33:21) menekankan kedudukan Rasulullah SAW sebagai uswah hasanah. Dalam tafsir moden seperti Quraish Shihab, konsep ini dilihat bukan sekadar penjelas hukum tetapi juga sebagai teladan menyeluruh dalam akhlak, sosial dan kepimpinan. Dalam konteks Malaysia, ia dapat diaplikasikan dalam etika kerja, kepimpinan berintegriti serta keharmonian masyarakat majmuk.

Cabaran Kontemporari terhadap Autoriti Sunnah

Cabaran utama terhadap autoriti Sunnah dalam konteks kontemporari merangkumi fahaman Quraniyyun yang menolak hadis sebagai sumber hukum, seperti yang pernah diutarakan oleh Kassim Ahmad di Malaysia. Pandangan ini bertentangan dengan prinsip ketaatan kepada Rasulullah SAW yang ditegaskan dalam ayat-ayat al-Quran seperti Surah al-Hashr (59:7) dan al-Nisa' (4:59). Selain itu, penyebaran hadis daif dan palsu melalui platform media sosial telah menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat, melemahkan persepsi terhadap kredibiliti Sunnah. Sarjana tempatan seperti Mohd Asri Zainul Abidin (2016) menegaskan pentingnya pendekatan tabayyun untuk menyaring maklumat hadis, manakala Ahmad Sanusi Azmi (2019) menyeru kepada penguatan ilmu hadis sebagai benteng menangani penyebaran maklumat yang tidak sahih. Cabaran ini bukan sahaja bersifat akademik tetapi juga sosial, memerlukan pendekatan holistik melalui pendidikan, pengukuhan metodologi hadis dan peningkatan kesedaran masyarakat untuk memelihara integriti Sunnah sebagai sumber syariat.

Integrasi al-Quran dan Sunnah

Al-Qur'an dan Sunnah merupakan dua sumber utama syariat Islam yang saling melengkapi dan tidak dapat dipisahkan. Ayat seperti Surah al-Ahzab (33:36), yang menyatakan, "*Dan tidaklah patut bagi lelaki mukmin dan perempuan mukmin apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan suatu ketetapan, ada bagi mereka pilihan lain...*", menegaskan bahawa ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW berjalan seiring, mengukuhkan integrasi kedua-dua sumber ini sebagai asas perundangan Islam. Wan Mohd Nor Wan Daud (2017) berhujah bahawa al-Qur'an menyediakan prinsip-prinsip umum manakala Sunnah memberikan perincian dan aplikasi praktikal seperti dalam pelaksanaan solat, zakat dan haji yang tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa panduan Sunnah. Zulkiple Abd Ghani (2021) menegaskan bahawa integrasi ini memastikan kesinambungan ajaran Islam merentasi zaman, manakala Abdul Karim Ali (2018) mengaitkannya dengan pendekatan wasatiyyah dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Dalam wacana kontemporari, integrasi al-Qur'an dan Sunnah menjadi benteng menentang fahaman Quraniyyun yang menolak hadis sebagai sumber hukum, sebuah pandangan yang bercanggah dengan autoriti Rasulullah SAW yang ditegaskan dalam al-Qur'an. Kajian ini menegaskan bahawa integrasi kedua-dua sumber ini bersifat normatif sekaligus praktikal, memastikan kesepaduan ilmu, hukum dan amalan dalam masyarakat Muslim. Dengan demikian, al-Qur'an dan Sunnah membentuk kerangka syariat yang komprehensif dan menolak sebarang percubaan untuk memisahkan keduanya.

Perbincangan

Penegasan al-Quran terhadap Sunnah

Seperti yang telah dihuraikan dalam bahagian 4.1, ayat-ayat al-Quran seperti Surah al-Hashr (59:7) dan al-Nisa' (4:59) jelas menunjukkan bahawa ketaatan kepada Rasulullah SAW merupakan sebahagian daripada ketaatan kepada Allah SWT. Kedua-dua ayat ini memberikan asas normatif yang kukuh bahawa perintah dan larangan Rasulullah mempunyai autoriti yang mengikat. Penekanan al-Quran ini sekali gus menolak dakwaan gerakan Quraniyyun yang menafikan peranan Sunnah sebagai sumber hukum. Justeru, kedudukan Sunnah dalam kerangka syariat tidak hanya bersifat pelengkap tetapi juga bersifat autoritatif dan mengikat sebagaimana ditegaskan oleh wahyu.

Pandangan Sarjana Tempatan

Mohd Asri Zainul Abidin (2016) menegaskan bahawa penolakan Sunnah bercanggah dengan al-Quran, manakala Zulkiple Abd Ghani (2021) mengkritik tafsiran Quraniyyun yang memisahkan al-Quran daripada Sunnah. Ahmad Sanusi Azmi (2019) pula menekankan dimensi teladan moral Sunnah dalam kehidupan umat dan Shafie (2019) menyoroti kepentingan disiplin ilmu hadis. Hasan (2008) turut menyokong autoriti Sunnah dalam konteks perundangan Malaysia dengan menekankan kedudukannya sebagai pelengkap al-Quran di bawah sistem hukum negara. Abdul Karim Ali (2018) menekankan pendekatan wasatiyyah sebagai kerangka yang sesuai dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Pandangan Sarjana Antarabangsa

Sarjana antarabangsa pula memberi penekanan yang berbeza. Esack (2018) menegaskan bahawa Sunnah perlu difahami secara kontekstual bagi menegakkan keadilan sosial dan pluralisme, manakala Barlas (2019) menekankan tafsiran kritikal dengan memberi perhatian khusus kepada isu gender. Walaupun pendekatan ini menekankan nilai sejagat seperti keadilan, ia sering dikritik kerana terlalu liberal dan kurang menekankan aspek normatif Sunnah. Ayoub (2012) turut menyumbang dalam wacana ini dengan menekankan pendekatan kontemporari yang mengimbangi autoriti Sunnah sebagai penjelas al-Quran tanpa mengorbankan kerelevanan moden. Syed Naquib al-Attas (1993), sebaliknya, menolak keras usaha pemisahan al-Quran daripada Sunnah kerana ia akan menggugat worldview Islam. Pandangan antarabangsa ini memperlihatkan kepelbagaian wacana dengan ada yang lebih kontekstual dan ada yang lebih tradisional.

Pendekatan Wasatiyyah sebagai Jalan Tengah

Dalam konteks Malaysia, pendekatan wasatiyyah, seperti yang dikemukakan oleh Abdul Karim Ali (2018), dianggap sebagai pendekatan paling sesuai untuk mengharmonikan ketaatan kepada al-Qur'an dan Sunnah dengan keperluan masyarakat kontemporari yang pelbagai. Pendekatan ini berfungsi sebagai jalan tengah yang mengimbangi pematuhan penuh terhadap kedua-dua sumber syariat utama dengan keperluan adaptasi kontekstual dalam realiti moden.

Wasatiyyah menekankan sikap sederhana yang mengelakkan dua bentuk ekstrem iaitu penolakan total terhadap Sunnah seperti yang diutarakan oleh fahaman Quraniyyun dan penerimaan riwayat tanpa penelitian kritis yang rapi. Menurut Abdul Karim Ali (2018), pendekatan ini bukan sahaja memastikan keselarian dengan prinsip-prinsip syariat tetapi juga mempromosikan fleksibiliti dalam menangani cabaran sosial, budaya dan intelektual masyarakat majmuk Malaysia. Dengan itu, wasatiyyah menjadi kerangka praktikal dan normatif yang memelihara integriti al-Qur'an dan Sunnah sambil memenuhi tuntutan dinamik zaman.

Aplikasi Sunnah dalam Isu Kontemporari

Selain perdebatan normatif, Sunnah juga mempunyai nilai aplikatif yang dapat menangani isu sosial moden. Dalam konteks etika digital, Sunnah menekankan prinsip tabayyun seperti yang ditegaskan dalam Surah al-Hujurat (49:6) dan hadis riwayat Muslim tentang larangan menyebarkan semua yang didengar. “Cukuplah seseorang itu dianggap berdusta apabila dia menceritakan semua yang didengarnya.” (*Riwayat Muslim, no. 5 dalam Muqaddimah Sahih Muslim*). Prinsip ini sangat relevan dalam menangani penyebaran berita palsu di media sosial. Dalam etika kerja dan integriti, Sunnah Rasulullah SAW sebagai *uswah hasanah* (Surah al-Ahzab 33:21) menjadi asas kepada budaya kerja beretika, penting dalam menghadapi cabaran rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Dalam isu gender dan keluarga, Sunnah Nabi SAW yang melayani isteri dengan penuh kasih sayang (HR al-Tirmizi) menjadi model untuk menangani keganasan rumah tangga. Manakala dalam masyarakat majmuk, Sunnah Nabi dalam Piagam Madinah dapat dijadikan panduan untuk mengurus hubungan antara kaum dan agama di Malaysia.

Rumusan Perbincangan

Secara keseluruhannya, perbincangan ini memperlihatkan bahawa autoriti Sunnah bukan sahaja ditegaskan oleh al-Quran dan tradisi klasik tetapi turut diakui oleh sarjana kontemporari. Perbezaan antara sarjana tempatan dan antarabangsa memberikan nilai tambah kerana ia menggabungkan pendekatan normatif, kritikal dan kontekstual. Dalam konteks Malaysia, cabaran utama ialah penolakan hadis oleh gerakan Quraniyyun dan penyebaran hadis palsu, justeru pendekatan *wasatiyyah* yang seimbang serta aplikasi praktikal Sunnah dalam isu kontemporari perlu diketengahkan bagi memastikan kesinambungan pemikiran Islam yang sahih, relevan dan membumi dalam kehidupan masyarakat.

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa al-Quran mengiktiraf Sunnah sebagai sumber hukum yang autoritatif melalui ayat-ayat seperti Surah al-Hashr (59:7), al-Nisa' (4:59), dan al-Ahzab (33:21). Sunnah berfungsi sebagai penjelasan, pelaksanaan praktikal serta pengukuhan hukum al-Quran, khususnya dalam aspek ibadah seperti solat, zakat dan haji. Dalam menghadapi cabaran kontemporari seperti gerakan Quraniyyun dan penyebaran hadis daif, pendekatan ilmiah yang berteraskan pendidikan hadis yang kukuh amat diperlukan. Dalam konteks Malaysia, integrasi antara al-Quran dan Sunnah sangat penting bagi memastikan pemahaman agama yang seimbang berpaksikan prinsip wasatiyyah.

Cadangan

Bagi memperkuat kefahaman terhadap Sunnah, kurikulum pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi seperti USIM dan UKM wajar memasukkan modul wajib berkaitan ilmu hadis, termasuk pengantar kaedah *jarh wa ta'dil* serta analisis ayat al-Quran yang menegaskan kedudukan Sunnah seperti Surah al-Nahl (16:44). Pendekatan ini boleh dilaksanakan melalui kuliah interaktif dan tugas projek berbentuk analisis kesahihan hadis tertentu. Selain itu, platform dialog yang menghimpunkan ulama dan sarjana juga perlu diwujudkan secara berterusan. JAKIM bersama institusi akademik boleh menganjurkan forum tahunan bertemakan integrasi al-Quran dan Sunnah dalam era digital. Forum ini sesuai dilaksanakan secara hibrid dengan penglibatan tokoh ulama, sarjana serta wakil masyarakat sekali gus menekankan kepentingan ketaatan kepada Rasulullah SAW sebagaimana digariskan dalam Surah Ali 'Imran (3:132).

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya:

"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul (Muhammad), supaya kamu diberi rahmat."

Hadis tentang ketaatan kepada Rasulullah SAW

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

"Sesiapa yang taat kepadaku, maka sesungguhnya dia taat kepada Allah, dan sesiapa yang derhaka kepadaku, maka sesungguhnya dia derhaka kepada Allah."

Hadis tentang kewajipan mengikuti Sunnah

Rasulullah SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا إِن تَمَسَّكْتُم بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya: Kitab Allah dan Sunnahku."

(Hadis riwayat al-Hakim, no. 318; dinilai sahih oleh al-Albani)

Dari sudut kesedaran masyarakat, usaha dakwah digital perlu dipergiat melalui penghasilan kandungan kreatif seperti siri video pendek dan infografik di platform media sosial. Kandungan ini boleh memberi pencerahan tentang Sunnah berasaskan al-Quran, antaranya melalui penekanan ayat Surah al-Hujurat (49:6) mengenai tabayyun, diiringi hadis-hadis sahih untuk menarik minat generasi muda.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (tabayyun) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini disebabkan kejahilan, yang akhirnya menjadikan kamu menyesali perbuatan itu."

Hadis Tentang Larangan Menyebarkan Berita Tanpa Semakan

Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

“Cukuplah seseorang itu dianggap berdusta apabila dia menceritakan setiap apa yang didengarnya.”

(Hadis riwayat Muslim, no. 5)

Hadis tentang kesaksian dan kebenaran

Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ

“Hendaklah kamu sentiasa berkata benar, kerana kebenaran itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan membawa ke syurga.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, no. 6094; Muslim, no. 2607)

Di samping itu, usaha memperkasa ulama dalam penilaian hadis perlu diberi perhatian. JAKIM boleh menganjurkan kursus intensif tahunan yang melatih ulama tempatan dengan kaedah *jarh wa ta’dil* dilaksanakan bersama pakar hadis daripada universiti. Rujukan kepada karya utama seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim akan memastikan kesahihan hadis yang disebarkan, sekali gus mengekang penyebaran riwayat yang lemah atau palsu.

Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diakui. Dari segi skop analisis hadis, perbincangan lebih menekankan autoriti Sunnah berdasarkan al-Quran tanpa analisis mendalam terhadap hadis tertentu. Walaupun hadis seperti *“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara...”* (riwayat al-Hakim) dan hadis tentang tabayyun (riwayat Muslim) disebut, tiada penilaian lanjut tentang kesahihan, konteks atau aplikasinya. Hal ini melemahkan hujah kerana Sunnah sendiri disampaikan melalui periwayatan hadis. Kajian ini juga bersifat teoritikal kerana bergantung sepenuhnya pada analisis teks dan literatur tanpa data empirik seperti temu bual, soal selidik atau analisis media sosial. Kekurangan ini menyebabkan dapatan kurang mencerminkan realiti praktikal masyarakat, khususnya generasi muda yang terdedah kepada cabaran digital (Ibrahim et al., 2025).

Selain itu, terdapat keterbatasan konteks kerana fokus diberikan kepada Malaysia sahaja. Walaupun relevan, ia menghadkan generalisasi dapatan kepada dunia Islam secara menyeluruh. Perbandingan dengan negara lain seperti Indonesia atau Mesir yang turut menghadapi cabaran serupa, berpotensi memperkayakan analisis. Perbincangan tentang gerakan Quraniyyun juga agak terhad. Walaupun dikenal pasti sebagai cabaran utama, faktor sosial, budaya dan teknologi yang mendorong penyebarannya kurang diuraikan. Misalnya, tiada analisis tentang bagaimana media sosial mempercepatkan penyebaran fahaman ini atau bagaimana generasi muda terpengaruh dengannya (Abdul Ghani et al., 2021).

Akhir sekali, aspek penggunaan teknologi digital masih kurang diberikan perhatian. Walaupun terdapat cadangan tentang dakwah digital, perbincangan mengenai potensi kecerdasan buatan (AI) dan analisis data dalam membendung penyebaran hadis palsu serta meningkatkan literasi Sunnah masih belum disentuh secara mendalam. Malah, bukti semasa menunjukkan isu ini sangat signifikan. Sebagai contoh, Sinar Harian melaporkan bahawa media sosial kini menjadi

cabaran terbesar dalam memerangi hadis daif dan palsu, sehingga memerlukan kaedah penapisan dan pendidikan yang lebih sistematik (Sinar Harian, 30 Julai 2024, Media Sosial Cabaran Terbesar Perangi Hadis Daif Dan Palsu). Laporan lain dalam akhbar yang sama turut menegaskan bahawa penyebaran hadis palsu memberi kesan negatif kepada masyarakat, termasuk melemahkan kepercayaan terhadap hadis sahih dan menimbulkan penyelewengan akidah (Sinar Harian, 2023, Kesan Penyebaran Hadis Palsu Terhadap Masyarakat). Bukti ini menunjukkan bahawa cabaran yang dibincangkan dalam kajian bukan hanya bersifat teoritikal tetapi benar-benar berlaku dalam realiti masyarakat.

Berdasarkan limitasi ini, terdapat beberapa ruang penyelidikan yang boleh diteroka. Kajian lanjutan boleh memberi fokus kepada analisis hadis secara lebih mendalam, termasuk penilaian kesahihan, konteks dan aplikasinya dalam isu-isu semasa. Penyelidikan juga boleh berbentuk empirik melalui analisis wacana media sosial atau penelitian kes yang dilaporkan media bagi mendapatkan gambaran realiti kefahaman Sunnah dalam masyarakat Malaysia. Dari sudut perbandingan, penelitian terhadap pengalaman negara lain seperti Indonesia dan Mesir yang berdepan cabaran serupa berpotensi memperkayakan perspektif serta menonjolkan titik persamaan dan perbezaan dalam pendekatan. Tumpuan khusus juga wajar diberikan kepada analisis gerakan Quraniyyun dengan meneliti faktor sosial, budaya dan teknologi yang menyumbang kepada pengaruhnya. Di samping itu, ruang kajian masa depan yang signifikan ialah menilai peranan teknologi digital secara lebih serius, termasuk aplikasi kecerdasan buatan (AI) dan analisis data bagi memerangi hadis palsu serta memperkuat kefahaman Sunnah dalam masyarakat.

Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa al-Quran mengiktiraf Sunnah sebagai sumber hukum kedua yang tidak dapat dipisahkan daripada wahyu. Kedudukan ini berasaskan nas yang kukuh, sekali gus menjadi asas kepada kesempurnaan syariat serta kesinambungan amalan Islam sepanjang zaman. Kefahaman terhadap autoriti Sunnah amat penting untuk memperkuat keyakinan umat Islam khususnya dalam mendepani cabaran kontemporari seperti gerakan Quraniyyun dan penuluran hadis daif yang menjejaskan kefahaman masyarakat. Cadangan yang diketengahkan melalui pengukuhan pendidikan hadis, penganjuran dialog ilmiah serta dakwah digital perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu. Pada masa yang sama, penyelidikan akademik lanjutan yang lebih kritis dan interdisiplin perlu digerakkan bagi mengisi jurang sedia ada. Dengan usaha ini, wacana mengenai integrasi al-Quran dan Sunnah akan dapat terus diperkukuh dalam masyarakat Malaysia. Pendekatan ini selaras dengan prinsip wasatiyyah yang menolak ekstremisme dalam semua bentuknya, serta memastikan kelestarian pemikiran Islam yang sahih, seimbang dan relevan sepanjang zaman.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Dr. Mohd Nor Adzhar Ibrahim selaku pensyarah di UMCCED di atas segala sokongan yang diberikan. Tidak lupa juga rakan-rakan sekuliah yang banyak membantu dalam menyiapkan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Ghani, Z., Ibrahim, M., & Rahman, S. A. (2021). *Qur'aniyyun: Implications Towards The Mindset Of The Islamic Community*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(8), 123–135.
- Abdul Karim Ali. (2018). *Pendekatan Wasatiyyah Dalam Memahami Hubungan Al-Quran Dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Sanusi Azmi. (2019). *Peranan Sunnah Sebagai Uswah Hasanah Dalam Membentuk Moral Umat Islam*. Jurnal al-Bayan, 17(2), 45–60.
- Ayoub, M. (Ed.). (2012). *Contemporary Approaches to the Qur'an and Sunnah*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought.
- Barlas, A. (2019). *Believing Women In Islam: Unreading Patriarchal Interpretations Of The Qur'an*. Austin, TX: University of Texas Press.
- Esack, F. (2018). *Qur'an, Liberation And Pluralism: An Islamic Perspective Of Interreligious Solidarity Against Oppression*. Oneworld Publications.
- Fazlur Rahman. (1982). *Islam And Modernity: Transformation Of An Intellectual Tradition*. University of Chicago Press.
- Hasan, Z. (2008). *Position Of Al-Quran As A Source Of Law Under The Malaysian Legal System*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, 12, 1–12.
- Ibrahim, N., Ahmad, F., & Yusof, R. (2025). *Critical Analysis of Ahadith: A Study on the Textbook of Education of the al-Quran and al-Sunnah (PQS)*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 15(3), 456–470.
- Kassim Ahmad. (1986). *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Kuala Lumpur: Media Intelek.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2016). *Sunnah: Kedudukan Dan Cabaran Kontemporari*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Shafie, M. (2019). *Cabaran Hadis Palsu Dalam Masyarakat Moden: Analisis Disiplin Ilmu Hadis*. Jurnal Pengajian Islam Kontemporari, 5(1), 55–70.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Sinar Harian. (2023, Ogos 15). *Kesan Penyebaran Hadis Palsu Terhadap Masyarakat*. Sinar Harian.
- Sinar Harian. (2024, Julai 30). *Media Sosial Cabaran Terbesar Perangi Hadis Daif Dan Palsu*. Sinar Harian.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2023). *Kurikulum Fakulti Quran Dan Sunnah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2017). *Konsep Kebebasan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiple Abd Ghani. (2021). *Penolakan Gerakan Quraniyyun Terhadap Sunnah: Analisis Ayat Surah Al-Hashr (59:7)*. Al-Burhan: Journal of Qur'an and Sunnah Studies, 2(1), 33–47.